

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 11 APRIL 2016 |

MINTA BANTUAN ASING JATUHKAN NAJIB

Dr Mahathir cuba gadai kedaulatan, maruah negara

BH-11/4/2016

» Perbuatan bekas PM bertentangan dengan dasar yang pernah dibuat dulu



Oleh Rafidah Mat Ruzki, Mohd Hamizar Hamid, Shamsul Kamal Amarudin dan Nik Sukry Ramli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad meminta bantuan kuasa asing untuk menjatuhkan Datuk Seri Najib Razak, adalah satu perbuatan mencabar kedaulatan dan menggadai kemerdekaan negara.

Pelbagai pihak turut menyifatkan perbuatan bekas Perdana Menteri itu sebagai mengkhianati negara, memalukan dan tindakan terdesak selepas usahanya tidak mendapat sambutan dalam negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata:

"Dulu dia (Dr Mahathir) marahkan kami adakan hubungan antarabangsa, sehingga

“Tindakan Dr Mahathir adalah satu perbuatan yang sangat berbahaya kerana membabitkan soal keselamatan negara”

Irmohizam Ibrahim, Ahli Majlis Tertinggi UMNO

ada yang kena tuduh jadi tali barut pihak asing, dulu beliau yang menuduh.

"Dalam hal ini eloklah kita menjaga acuan politik kita mengikut tata etika negara kita."

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Irmohizam Ibrahim, berkata tindakan Dr Mahathir adalah satu perbuatan yang sangat berbahaya, kerana membabitkan soal keselamatan negara.

"Ini perbuatan mencabar kedaulatan dan kemerdekaan negara. Adakah beliau ingin mengajak pihak luar mencampuri kedaulatan dan kemerdekaan yang kita kecapai sejak 59 tahun lalu?"

"Saya amat berharap agar pihak berkuasa dan Wisma Putra meneliti apa yang beliau nyatakan," katanya.

Beliau khawatir pelaburan asing tidak akan masuk, peluang pekerjaan berkurangan dan negara menjadi huru-hara jika kuasa asing mencampuri urusan dalam negara.

Tindakan terdesak

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, Datuk Seri Noh Omar, berkata tindakan Dr Mahathir itu dilihat seperti terdesak selepas gagal mempengaruhi Ahli Parlimen untuk menentang Perdana Menteri.

"Apa yang dilakukan beliau bertentangan dengan dasar yang dibuatnya dulu. Saya ingat dulu dia pernah berkata, bila kita minta (campur tangan) kuasa asing bermakna kita menjemput penjajah ke negara kita," katanya.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pahang, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin menyifatkan tindakan Dr Mahathir meminta sokongan negara luar untuk menumbangkan Najib sebagai sangat memalukan.

"Mungkin Tun (Dr Mahathir) sudah tidak mempunyai sokongan dari dalam (negara) dan disebabkan itulah beliau sanggup meminta campur tangan negara luar.

"Bagi UMNO Pahang, ini

adalah satu tindakan yang tidak boleh diterima," katanya.

Mohd Sharkar berkata, tindakan Dr Mahathir itu bukan sahaja seperti mengkhianati negara, bahkan menunjukkan sikap tidak konsisten dalam perjuangannya.

Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Majlis Profesor Negara, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak, pula berkata tindakan Dr Mahathir seperti mahu menggadaikan kemerdekaan negara.

Bukan tindakan wajar

"Saya yakin rakyat negara ini yang patriotik tidak akan menerima perbuatan bekas Perdana Menteri itu. Saya tidak fikir ia sebagai satu tindakan yang wajar dan di luar tradisi kita.

"Tolong jangan mulakan. Ia tidak wajar dimulakan oleh sesiapa pun. Kita boleh selesaikan mengikut tradisi kita. Jangan gadaikan kemerdekaan (negara)," katanya kepada BH, semalam.

Dr Mahathir dalam satu wawancara bersama akhbar Australia, *The Weekend Australian* yang disiarkan kelmarin bertajuk "Mahathir Mohamad calls for foreign interference in Malaysia" (Mahathir Mohamad mahu campur tangan asing di Malaysia).

Beliau dilaporkan berkata, hanya tinggal sedikit harapan Najib akan berundur tanpa tekanan luar.